



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA
(KEDAH)

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2011

1249/1

SEJARAH

Kertas 1

Ogos

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

- 1 Terdapat penemuan bukti bahawa masyarakat Lembah Indus dan Mesopotamia telah menjalinkan hubungan perdagangan. Apakah penemuan tersebut?
 - A Manik
 - B Cap Mohor
 - C Gading gajah
 - D Barangan tembikar
- 2 Apakah fungsi tembok yang dibina di sekeliling bandar Anyang dalam tamadun Hwang Ho?
 - A Sempadan kawasan
 - B Mengelakkan banjir
 - C Menghalang musuh
 - D Mencantikkan Bandar
- 3 Apakah matlamat utama pendidikan di China?
 - A Lulus peperiksaan awam
 - B Menambah bilangan tenaga mahir
 - C Meningkatkan kualiti golongan pendidik
 - D Menambah bilangan tentera yang terlatih
- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan undang-undang pada zaman tamadun Rom dan tamadun India.

- Hukum Kanun 12
- Tiang Asoka

Apakah persamaan kedua-dua undang-undang tersebut?

- A Dipahat pada batu
- B Diukir pada kayu
- C Dicitak dan diedarkan
- D Dipamerkan kepada rakyat

- 5 Apakah faktor utama yang menjadikan kerajaan Kedah Tua dan Srivijaya menjadi pelabuhan entrepot yang sangat strategik?
- A Mempunyai bekalan hasil tempatan yang banyak
 - B Mempunyai kemudahan untuk para pelayar
 - C Laluan perdagangan antara India dan China
 - D Kemudahan pertukaran mata wang
- 6 Konsep di bawah adalah kesan daripada pengaruh Hindu dan Buddha.

- Dewa raja
- Orde kosmos

Apakah kepentingan konsep di atas terhadap pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara?

- A Mengukuhkan kedudukan raja
 - B Memastikan kemajuan kerajaan
 - C Menjamin kesejahteraan rakyat
 - D Memastikan keadilan dilaksanakan
- 7 Nabi Muhammad s.a.w. menerima wahyu kedua iaitu Surah al-Muddasir, ayat 1-7. Apakah kepentingan surah tersebut?
- A Pelantikan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Rasulullah
 - B Penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah
 - C Kepentingan membaca sebagai jambatan ilmu
 - D Penghapusan unsur-unsur jahiliah di Makkah
- 8 Apakah faktor utama yang menyebabkan tokoh-tokoh berikut menerima Islam?

Bilal bin Rabah
Amir bin Fuhairah
Zunainah

- A Amalan ibadat yang mudah diamalkan oleh semua
- B Konsep keadilan kepada semua manusia
- C Mementingkan pemikiran rasional
- D Persaudaraan dalam Islam

- 9 Mengapakah masyarakat Arab Madinah menjemput Nabi Muhammad s.a.w. untuk berhijrah ke Madinah?
- A Menubuhkan kerajaan Madinah yang kuat
 - B Memajukan ekonomi masyarakat Madinah
 - C Mendamaikan masyarakat Madinah
 - D Menghapuskan bangsa Yahudi
- 10 Masjid apakah yang pertama sekali dibina dalam sejarah perkembangan Islam?
- A Masjid Quba'
 - B Masjid al-Aqsa
 - C Masjidil Haram
 - D Masjid al-Nabawi

11

“... Jika aku berlaku adil dalam urusanku, sokonglah aku. Akan tetapi jika aku bersalah, betulkanlah aku kembali. Kejujuran ialah amanat, kedustaan pula suatu khianat. Taatilah aku selama aku taat kepada Allah dan rasul-Nya. Akan tetapi kalau aku melanggar perintah-Nya, jangan ikut aku lagi.” **Abu Bakar al-Siddiq**

Apakah kepentingan pidato di atas?

- I Mentaati kepada pemimpin yang bertakwa
 - II Memilih pemimpin yang mementingkan kemajuan duniawi
 - III Taat setia yang tinggi kepada pemimpin yang bijak berpidato
 - IV Jangan mengikut pemimpin yang sentiasa melanggar perintah-Nya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12

Khalil ibn Ahmad (pakar bahasa dan
filologi Arab)
Sibawayhi (ahli nahu Arab)
~~Al-Farazdaq (sasterawan)~~

Sumbangan tokoh-tokoh di atas kepada perkembangan Islam ialah

- A tanda bunyi pada tulisan al-Quran
- B sistem pentadbiran semakin kukuh
- C taraf kesihatan semakin meningkat
- D sistem perundangan bertambah mantap

13

Bandar Pelabuhan di Selat Melaka

- Srivijaya, Perlak, Pasai, Melaka
- Mempunyai hubungan dengan
pelabuhan-pelabuhan di Lautan
~~Hindi dan Laut China Selatan~~

Apakah faktor utama yang mempertemukan pedagang-pedagang asing di Asia Tenggara?

- A Mendapat pelbagai barangan yang dikehendaki
- B Terdapat pelabuhan yang menarik
- C Mendapat layanan istimewa
- D Tiupan angin monsoon

14

- Menerangkan tentang
tanggungjawab raja
- Mencatatkan adat istiadat dan
peraturan tradisi Aceh

Maklumat di atas berkaitan dengan

- A Undang-Undang Laut Melaka
- B Hukum Kanun Melaka
- C Kanun Mahkota Alam
- D Undang-Undang Pahang

15

**Sistem Pemerintahan dan
Pentadbiran di Tanah Melayu**

- Pemerintahan pusat diketuai oleh sultan
- Pemerintahan daerah ditadbir

Siapakah X?

- A Penghulu Bendahari
- B Ketua Kampung
- C Penggawa
- D Penghulu

16

Di Melaka serta negeri-negeri Melayu, amalan riba tidak dibenarkan dalam bidang perniagaan

Mengapakah amalan ini tidak dibenarkan?

- A Menjadi sumber pendapatan kerajaan
- B Menguntungkan pihak pemberi hutang
- C Menjadi bayaran wajib kepada pedagang
- D Menguntungkan orang yang berhutang

17 Pada Zaman Kemuncak Pertengahan muncul bandar-bandar seperti Venice, Milan dan Florence.

Apakah kesan daripada perkembangan di atas?

- A Lahirnya kelas pertengahan
- B Perkembangan ilmu pengetahuan
- C Kegiatan ekonomi yang terhad
- D Gereja mengongkong kehidupan masyarakat

18

- Revolusi Pertanian – Pertanian menjadi punca ekonomi masyarakat Britain
- Revolusi Perindustrian – Perindustrian telah menjadi punca ekonomi

Nyatakan kesan sosial kepada Britain setelah menjadi negara industri.

- A Tuan tanah menjadi orang terkaya
- B Tenaga buruh semakin berkurangan
- C Pengangkutan kapal berkuasa wap bertambah maju
- D Pemilik kilang telah menjadi tokoh yang utama

19 **Enakmen Padi 1917** – melarang penanaman getah di kawasan penanaman padi.

Tujuan British memperkenalkan undang-undang di atas ialah

- A mengurangkan penyertaan orang Melayu dalam tanaman getah
- B mengekalkan keluasan kawasan penanaman padi
- C kejatuhan harga getah di pasaran dunia
- D meningkatkan pengeluaran padi

20 Kewujudan masyarakat berbilang bangsa di Tanah Melayu pada zaman penjajahan telah melahirkan sistem pendidikan vernakular.

Nyatakan kesan **utama** sistem pendidikan vernakular.

- A Penggunaan buku-buku dari China
- B Tidak wujud perpaduan antara kaum
- C Tenaga pengajar dibawa dari India
- D Pendidikan hanya untuk golongan elit

21 Apakah kesan pengambilalihan fungsi raja sebagai penaung sami Buddha oleh undang-undang Barat di Burma?

- A Pengaruh golongan agama merosot
- B Sami Buddha kehilangan jawatan
- C Pembinaan kuil perlu kebenaran British
- D Sami dilantik oleh British



22

Nama Persekutuan	Sistem
Negeri-negeri Melayu Bersekutu	Residen
Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	Penasihat


Berdasarkan jadual di atas, residen dan penasihat diletakkan di bawah kuasa

- A Residen Kaunselor
- B Pesuruhjaya Tinggi British
- C Gabenor Negeri-Negeri Selat
- D Setiausaha Tanah Jajahan

23 Pemimpin tempatan yang telah diberikan perlindungan politik oleh Raja Chulalongkorn ialah

- A Tok Gajah
- B Imam Rasul
- C Tok Janggut
- D Dato' Bahaman

24



Madrasah-madrasah yang dimaksudkan di atas mempunyai ciri-ciri berikut:

- I Pendidikan untuk dunia dan akhirat
 - II Peluang pendidikan untuk perempuan
 - III Membangkitkan semangat anti penjajah
 - IV Mendapat kerjasama kaum tua
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 25 Apakah keistimewaan sistem pemerintahan Adat Perpatih berbanding sistem lain di Tanah Melayu?
- A Negeri yang digabungkan daripada sembilan negeri
 - B Negeri yang diperintah oleh Yang Dipertuan Besar
 - C Rakyat menentukan kedaulatan
 - D Rakyat melantik Yang Dipertuan Besar
- 26 Pada tahun 1842, Sultan Muhammad II telah melantik golongan yang bergelar Nik dan Wan menggantikan kerabat diraja sebagai pembesar. Apakah kesan perantikan tersebut?
- A Menyumbang kepada pengukuhan kewibawaan sultan
 - B Menyumbang kepada pembentukan Sistem Jemaah Menteri
 - C Bermula mobiliti sosial dalam struktur masyarakat
 - D Bermula perebutan kuasa oleh kerabat diraja
- 27 Mengapakah pemberian kerakyatan yang longgar kepada orang dagang ditolak oleh orang Melayu ?
- A Merampas kerakyatan orang Melayu
 - B Mengancam status quo orang Melayu
 - C Menghakis kuasa raja-raja Melayu
 - D Merampas kuasa politik Melayu
- 28 Bantahan terhadap Malayan Union telah dibuat secara berterusan melalui akhbar-akhbar berikut::
- I Utusan Melayu
 - II Berita Harian
 - III Idaran Zaman
 - IV Majlis
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



29

Konsep kerjasama kaum dalam
sebuah parti

Kenyataan di atas merujuk kepada tujuan penubuhan

- A Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)
- B Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)
- C Parti Kemerdekaan Malaya (IMP)
- D Parti Hizbul Muslimin

30 Siapakah yang mencadangkan supaya Sistem Ahli dibentuk berdasarkan model negara Kenya dan Rhodesia ?

- A Dato' Onn Ja'afar
- B Sir Malcolm MacDonald
- C O.A. Spencer
- D Sir Henry Gurney

31 Apakah alasan yang digunakan oleh Lee Kuan Yew untuk mendesak British menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu.?

- A Ancaman lanun
- B Ancaman Indonesia
- C Ancaman komunis
- D Ancaman Filipina

32

- Ketua negeri
- Pelajaran
- Kerakyatan

Perkara-perkara di atas adalah antara perkara penting yang disentuh dalam

- A hak Kerajaan Persekutuan
- B hak Kerajaan Tempatan
- C hak Kerajaan Negeri
- D hak wilayah asing

- 33 Pindaan perlembagaan dilakukan bertujuan untuk
- I melindungi kepentingan rakyat
 - II melindungi kepentingan kerajaan
 - III melindungi hak istimewa orang Melayu
 - IV menjaga kepentingan negara
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 34 Apakah fungsi Jemaah Menteri dalam struktur pentadbiran Malaysia?
- A Meluluskan undang-undang
- B Membuat dasar kerajaan
- C Melaksanakan arahan
- D Menentukan arahan
- 35 Antara yang berikut, yang manakah merujuk kepada Senarai Persekutuan?
- I Pelajaran
 - II Pertahanan
 - III Biasiswa
 - IV Tanah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36

Membangun dan memodenkan
industri perikanan serta
meningkatkan taraf hidup nelayan.

Fungsi di atas dilaksanakan oleh

- A Lembaga Padi dan Beras Negara
- B Perbadanan Pembangunan Bandar
- C Lembaga Pertubuhan Peladang
- D Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

37 Berikut ialah matlamat utama Dasar Ekonomi Baru.

- I Untuk menyusun semula masyarakat
 - II Untuk membantu golongan bumiputera
 - III Untuk membangunkan kawasan luar bandar
 - IV Untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

38 Rukun Negara merupakan ideologi negara yang digubal untuk

- A dijadikan panduan dalam menghadapi kehidupan bermasyarakat
- B dihayati dan dijadikan amalan dalam kehidupan harian
- C dibanggai kerana merupakan identiti bangsa yang merdeka
- D diyakini sebagai cara hidup ke arah kesejahteraan rakyat

39 Apakah kesan terpenting Perang Dunia Pertama terhadap sistem pemerintahan beraja di Eropah?

- A Raja mengambil alih pemerintahan
- B Pemulihan kuasa raja di tangan rakyat
- C Golongan raja menuntut kuasa mutlak
- D Menamatkan sistem pemerintahan beraja



- 40 Antara berikut yang manakah merupakan kunci utama yang dapat menentukan kejayaan dasar K- ekonomi?
- A Sokongan kerajaan
 - B Sumber kewangan
 - C Kerajinan
 - D Inovasi

KERTAS SOALAN TAMAT

Skema Pemarkahan Kertas 1 (1249/1) 2011

1	B	21	A
2	C	22	C
3	A	23	D
4	D	24	A
5	C	25	C
6	A	26	A
7	A	27	B
8	B	28	B
9	C	29	C
10	A	30	B
11	B	31	C
12	A	32	D
13	D	33	B
14	C	34	B
15	D	35	A
16	B	36	D
17	A	37	B
18	D	38	A
19	A	39	D
20	B	40	D

NO. KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2011

1249/2

SEJARAH

Kertas 2

Ogos

2011

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.**
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan dalam **Bahagian B.**
4. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.
6. Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan **Bahagian B.**
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah			

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 1 Aktiviti perdagangan yang diceburi orang Melayu telah merangsang perkembangan yang berkaitan dengannya seperti penggunaan mata wang, percukaian dan seumpamanya.

(a) Apakah maksud sistem barter?

(i)

.....

[1 markah]

(b) Nyatakan ciri-ciri mata wang timah pada zaman Melaka?

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan peraturan-peraturan cukai yang dikenakan pada zaman Melaka.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Bagaimanakah Baitulmal mengagihkan wang zakat?

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Pada pendapat anda, apakah langkah yang boleh dilakukan kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai pelabuhan utama dunia.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]



2 Pihak British telah memperkenalkan undang-undang tanah berkonsepkan sistem Barat.

(a) Apakah tujuan British memperkenalkan undang-undang tersebut?

(i)

(ii) [2 markah]

(b) Namakan **dua** akta yang diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada tanah milik masyarakat pribumi di Sarawak.

(i)

(ii) [2 markah]

(c) Nyatakan **dua** kesan pengenalan akta tanah kepada orang Melayu.

(i)

(ii) [2 markah]

(d) British telah membahagikan tanah mengikut kegunaan dan nilai komersial. Namakan dua jenis tanah tersebut.

(i)

(ii) [2 markah]

(e) Pada pendapat anda, mengapakah Akta Tanah Simpanan Melayu perlu dikekalkan?

(i)

(ii) [2 markah]



3 Apabila kuasa-kuasa Barat menguasai Asia Tenggara, sistem birokrasi Barat telah diperkenalkan untuk menggantikan sistem pentadbiran tradisional.

(a) Nyatakan ciri-ciri umum sistem birokrasi Barat.

(i)

(ii) [2 markah]

(b) Jelaskan pelaksanaan Sistem Encomienda di Filipina.

(i)

(ii) [2 markah]

(c) Namakan **dua** jabatan kerajaan yang ditubuhkan di Indonesia.

(i)

(ii) [2 markah]

(d) Mengapakah Volksraad ditubuhkan di Indonesia?

(i)

(ii) [2 markah]

(e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan-kesan pengenalan sistem birokrasi Barat kepada penduduk Asia Tenggara?

(i)

(ii) [2 markah]

4 Malayan Union telah diisytiharkan pada 1 April 1946 di King's House (Carcosa Seri Negara) bagi menggantikan Pentadbiran Tentera British atau *British Military Administration (BMA)*

(a) Apakah nama jawatan yang diwujudkan bagi mengetuai pentadbiran Malayan Union pada peringkat berikut?

(i) Persekutuan:.....

(ii) Negeri :.....

[2 markah]

(b) Berikan **dua** faktor British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan **dua** pihak yang menyokong penubuhan Malayan Union.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Pada pandangan anda, mengapakah orang Melayu menjadikan akhbar sebagai alat untuk menentang Malayan Union?

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan kepada orang Melayu jika Malayan Union tidak dibubarkan?

(i)

(ii)

[2 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja.

- 5 Srivijaya dan Kedah Tua merupakan antara kerajaan maritim yang terulung di Asia Tenggara dari abad kelima hingga abad ke-13 Masihi.
- (a) Terangkan ciri-ciri kerajaan Srivijaya. [8 markah]
 - (b) Apakah faktor yang mempengaruhi perkembangan pelabuhan Kedah Tua. [7 markah]
 - (c) Pada pandangan anda, apakah usaha yang boleh dilakukan bagi memajukan bidang maritim di negara kita [5 markah]
- 6 Orientalis Barat mentafsirkan hijrah secara negatif iaitu sebagai satu pelarian.
- (a) Apakah hujah anda untuk menolak pendapat di atas. [7 markah]
 - (b) Nyatakan faktor-faktor yang mendorong Nabi Muhammad s.a.w dan orang-orang Islam berhijrah ke Madinah. [8 markah]
 - (c) Pada pendapat anda, bagaimanakah konsep hijrah dapat diamalkan dalam kehidupan seorang pelajar. [5 markah]
- 7 Idea pembentukan Malaysia telah dicadangkan oleh tokoh-tokoh tempatan dan luar negara sejak awal abad ke-19.
- (a) Jelaskan cadangan-cadangan tersebut. [9 markah]
 - (b) Senaraikan perkara-perkara daripada Akta Malaysia yang telah dimasukkan ke dalam perlembagaan Malaysia. [6 markah]
 - (c) Pembentukan Malaysia telah memberikan banyak faedah kepada rakyat Malaysia hari ini. Jelaskan faedah-faedah tersebut. [5 markah]

8 Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) yang memperjuangkan bahasa kebangsaan telah bermula sebelum kemerdekaan.

(a) Jelaskan cadangan-cadangan yang terdapat di dalam:

(i) Penyata Razak

[4 markah]

(ii) Laporan Rahman Talib


[4 markah]

(b) Nyatakan langkah-langkah yang telah dilakukan untuk memajukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

[8 markah]

(c) Pada pandangan anda, mengapakah bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan?

[4 markah]



9 (a) Terangkan sebab-sebab berlakunya Perang Dunia Pertama.

[6 markah]

(b) Huraikan kesan-kesan Perang Dunia Pertama.

[8 markah]

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah peperangan dapat dielakkan ?

[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA PEMARKAHAN SEJARAH SPM 2011

Soalan	Butiran	Markah
1(a)	F1 Sistem pertukaran barang [1x1 m]	1 [1m]
1(b)	F1 Berbentuk bulat F2 Beratnya ialah satu kati lapan tahlil F3 Nama sultan yang memerintah dicatat pada wang F4 Tarikh Islam dicatat pada wang [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 [2m]
1(c)	F1 Pedagang yang berniaga diwajibkan membayar cukai terhadap barang dagangan mereka F2 Cukai yang paling asas ialah cukai tetap / cukai import F3 Jumlah cukai ditetapkan oleh pemerintah F4 Pedagang dari India/ Ceylon/ Tanah Arab/ Siam/ Pegu dikenakan cukai sebanyak enam peratus F5 Pedagang dari Jepun/ China dikenakan cukai sebanyak lima peratus F6 Beras dan makanan tidak dikenakan cukai F7 Setelah cukai dibayar , barulah urusan jual beli dilakukan di bazar-bazar yang disediakan F8 Orang asing yang datang dari Kepulauan Melayu dikenakan cukai diraja sebanyak tiga peratus F9 Orang asing lain dikenakan cukai diraja sebanyak enam peratus [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [2m]
1(d)	F1 Pemberian kepada fakir F2 Pemberian kepada orang miskin F3 Pemberian kepada mualaf F4 Pemberian kepada amil F5 Pemberian kepada orang berhutang F6 Pemberian kepada fisabillillah F7 Pemberian kepada musafir F8 Pemberian kepada hamba [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 [2m]
1(e)	F1 Membina institusi pelaut F2 Penambahan kemudahan pelabuhan F3 Kemudahan baik pulih kapal F4 Menyediakan pusat kemahiran F5 Menyediakan kursus perkapalan di universiti F6 Memajukan sektor perikanan F7 Menjalankan penyelidikan dan pembangunan [Mana-mana 5 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 [3m]
	(Mana-mana jawapan munasabah)	

Soalan	Butiran	Markah
2(a)	F1 Memudahkan kerja pentadbiran tanah/urusan cukai/urusniaga tanah/pajakan/sewa beli	1
	F2 Memudahkan pembangunan ekonomi	1
	F3 menyelaraskan dan menyeragam perundangan/peraturan tanah di negeri-negeri Tanah Melayu	1
	F4 mewujudkan rekod bertulis bagi mengesahkan hak pemilikan tanah	1
	[Mana-mana 2x1 m]	[2m]
2(b)	F1 Land order	1
	F2 Land settlement order	1
		[2m]
2(c)	F1 tidak perlu mendapat kebenaran pembesar	1
	F2 mesti membuat permohonan di pejabat tanah	1
	F3 Residen berkuasa menentukan jumlah kawasan/konsesi tanah yang diberi kepada pemodal	1
	[Mana-mana 2x1 m]	[2m]
2(d)	F1 tanah ladang	1
	F2 tanah pribumi	1
	F3 tanah lombong	1
	[Mana-mana 2x1 m]	[2m]
2(e)	F1 dapat melindungi tanah simpanan orang Melayu	1
	F2 sebagai warisan orang Melayu	1
	F3 mengelakkan daripada jatuh ke tangan orang bukan Melayu/orang asing	1
	F4 menjaga warisan tanah orang Melayu	1
	[Mana-mana 2x1 m]	[2m]
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	

Soalan	Butiran	Markah
3(a)	Nyatakan ciri-ciri umum sistem birokrasi Barat F1 Penubuhan kerajaan pusat F2 Menyatukan wilayah-wilayah di tanah jajahan F3 Pelantikan Gabenor Jeneral sebagai ketua pentadbir di tanah jajahan F4 Pelaksanaan pentadbiran melalui biro/jabatan F5 Pelantikan pegawai Barat sebagai ketua biro F6 Pengenalan undang-undang Barat [Mana-mana 2x1 m]	1 1 1 1 1 1 [2 m]
3(b)	Jelaskan pelaksanaan Sistem Encomienda di Filipina F1 Menggabungkan barangay-barangay F2 Pemerintahnya dikenali sebagai encomiendero F3 menjaga keamanan F4 mengutip cukai F5 mengkristiankan penduduk F6 dibenci oleh penduduk Filipina F7 mengenakan cukai yang tinggi F8 kerahan tenaga kepada rakyat [Mana-mana 2x1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 [2 m]
3(c)	Namakan dua jabatan kerajaan yang ditubuhkan di Indonesia F1 Jabatan pelajaran F2 Jabatan pertanian [Mana-mana 2x1 m]	1 1 [2 m]
3(d)	Mengapakah Volksraad ditubuhkan di Indonesia F1 Merupakan Majlis Rakyat F2 Satu langkah ke arah kemerdekaan F3 Hasil desakan Sarekat Islam [Mana-mana 2x1 m]	1 1 1 [2 m]
3(e)	Mengikut pengetahuan sejarah anda, apakah kesan-kesan pengenalan sistem birokrasi Barat kepada penduduk Asia Tenggara? F1 Kemerosotan pengaruh golongan datu F2 Jawatan pembesar tradisional terhapus/terjejas F3 Institusi raja tersingkir/terjejas F4 Pengaruh golongan agama merosot F5 Cukai yang tinggi terhadap rakyat F6 Kerahan tenaga kepada rakyat (mana-mana jawapan yang munasabah) [Mana-mana 2x1 m]	1 1 1 1 1 1 [2 m]

Soalan	Butiran	Markah
4(a)(i)	Gabenor British	1
4(a)(ii)	Pesuruhjaya Negeri	1
4(b)	F1 Persediaan Tanah Melayu membentuk pemerintahan sendiri F2 Melicinkan pentadbiran F3 Menjimatkan kos pentadbiran F4 Mengawal kuasa politik orang Melayu F5 Membentuk bangsa Malayan Union F6 Golongan pendatang melupakan negara asal mereka F7 Golongan pendatang menumpukan taat setia kepada Malayan Union F8 Memastikan sumber manusia bagi majukan ekonomi Tanah Melayu tidak terbantut F9 Memastikan pelaburan bagi majukan ekonomi Tanah Melayu tidak terbantut F10 Menghapuskan negara dan bangsa Melayu/Kesultanan Melayu Melaka	[2 m] 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
4(c)	[Mana-mana 2x1 m] F1 Orang dagang F2 Golongan Melayu radikal F3 Parti Kebangsaan Melayu Malaya/PKMM F4 Angkatan Pemuda Insaf/API F5 Angkatan Wanita Sedar /AWAS F6 Barisan Tani Malaya/BATAS	[2 m] 1 1 1 1 1 1
4(d)	[Mana-mana 2x1 m] F1 Media elektronik/lain dikuasai penjajah F2 Akhbar mudah disebar F3 Ramai orang-orang Melayu boleh membaca F4 Muncul wartawan yang terkenal/seperti Za'ba/Dato' Onn Ja'far/Abdul Rahim Kajai F5 Tulisan mereka bernas/bangkitkan kesedaran menentang British (Mana-mana jawapan yang munasabah)	[2 m] 1 1 1 1 1
4(e)	[Mana-mana 2x1 m] F1 Bangsa Melayu akan terhapus F2 Kesultanan/Raja Melayu terhapus F3 Adat istiadat/budaya Melayu pupus F4 Orang Melayu akan merempat/mundur ekonomi F5 Agama Islam bukan agama rasmi F6 Bahasa Melayu bukan Bahasa Kebangsaan F7 YDP Agong tidak menjadi ketua Negara F8 Imigran akan menguasai ekonomi [Mana-mana 2x1 m] (Mana-mana jawapan yang munasabah)	[2 m] 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
5(a)	F1 Memiliki bala tentera laut yang besar	1
	F2 Dianggotai oleh pelbagai golongan rakyat	1
	F3 Termasuk orang laut	1
	F4 Fungsi tentera laut adalah untuk mengawal perdagangan di Selat Melaka	1
	F5 Mengawal keselamatan kerajaan	1
	F6 Pelabuhanannya yang baik	1
	F7 Kedudukannya yang strategik di Selat Melaka	1
	F8 Menjadi tempat persinggahan kapal yang berdagang di antara India dan China	1
	F9 Di pelabuhannya terdapat hasil dan barangan untuk perdagangan antarabangsa	1
	F10 Barangan dibekalkan oleh kawasan pemerintahannya	1
	F11 Wilayah takluknya	1
	F12 Menurut catatan I Tsing pada tahun 671 M	1
	F13 Pelabuhan Srivijaya turut dikenali kerana mampu menghasilkan kapal besar	1
	F14 Berperanan sebagai kuasa maritim utama di Asia Tenggara	1
	[Mana-mana 8 x 1 m]	[8m]
5(b)	F1 Terdapatnya Gunung Jerai	1
	F2 Menjadi panduan kapal pedagang yang keluar masuk	1
	F3 Terutama pada waktu malam melalui nyalaan api	1
	F4 Kedudukan yang strategik di laluan Selat Melaka	1
	F5 Terlindung daripada tiupan angin	1
	F6 Monsun barat daya/ timur laut	1
	F7 Adanya kemudahan menyimpan barang dagangan	1
	F8 Kekayaan hasil hutan	1
	F9 Seperti damar/ rotan/	1
	F10 Sumber bumi	1
	F11 Seperti timah	1
	F12 Barang dagangan yang diperolehi dari luar	1
	F13 Seperti kain kapas/ sutera/ teh/ tembikar/ kaca dan manik	1
	[Mana-mana 7 x 1 m]	[7m]
5(c)	F1 Membina pelabuhan	1
	F2 Menurunkan cukai	1
	F3 Menyediakan kemudahan moden	1
	F4 Membina pusat-pusat perdagangan	1
	F5 Memudahkan urusan kemasukan pelabur asing	1
	[Mana-mana 5 x 1 m]	[5 m]
	(Mana-mana jawapan munasabah)	

Soalan	Butiran	Markah
6(a)	F1 konsep hijrah dalam Islam berbeza dengan hijrah barat. F2 jempunan orang Arab Madinah F3 seperti tercatat dalam Perjanjian Aqabah 2 F3 ketibaan orang Islam Makkah disambut meriah F4 orang Islam Makkah diberi tempat tinggal F5 dijamin keselamatan oleh orang Arab Madinah F6 nabi dilantik sebagai pemimpin F7 baginda diterima oleh semua golongan masyarakat Madinah F8 termasuk orang bukan Islam F9 orang Islam Makkah tidak dianggap sebagai pelarian F10 penghijrahan nabi lebih kepada strategi dakwah [Mana-mana 7 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [7 m]
6(b)	F1 perintah Allah menerusi wahyu menerusi surah al-Anfal F2 meneruskan penyebaran Islam F3 ancaman Arab Quraisy menjejaskan aktiviti penyebaran islam F4 strategi Nabi Muhammad S.A.W F5 suasana aman di tempat baru memudahkan penyampaian dakwah F6 membolehkan sebuah masyarakat Islam yang bersatu-padu dapat diwujudkan F7 jempunan masyarakat Arab Madinah yang sedang berkonflik F8 orang Arab Madinah memerlukan pemimpin seperti Nabi Muhammad untuk memimpin mereka F9 untuk mendamaikan masyarakat Madinah yang bermusuhan. [Mana-mana 8 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [8 m]
6(c)	F1 dari bersifat negatif kepada positif F2 dari pemalas kepada rajin F3 berusaha mencari ilmu pengetahuan F4 menggunakan strategi dalam pembelajaran [Mana-mana 5 x 1 m] (Mana-mana yang munasabah)	1 1 1 1 [5 m]

Soalan	Butiran	Markah
7(a)	F1 Lord Brassey/Pengarah Syarikat Borneo Utara 1 H1a Cadangkan agar Kerajaan British gabungkan Sarawak dan Sabah/Borneo Utara 1 H1b dengan Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat 1 F2 Sir Malcolm Mac Donald/Gabenor Jeneral Asia Tenggara 1 H2a Cadangkan Sarawak, Sabah, Singapura, Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan 1 F3 Dato' Onn Ja'afar 1 H3a Cadang Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dinamai Malaysia 1 H3b Menurutny British akan gabungkan Sarawak, Sabah dan Brunei dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. 1 F4 Cadangan pemimpin Singapura 1 H4a Lim Yew Hock /David Marshall/ Lee Kuan Yew 1 H4b Desak British berunding dengan Tunku Abdul Rahman untuk gabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu 1 H4c Idea ini tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman 1 F5 Tunku Abdul Rahman menyetujui gagasan Malaysia pada 27 Mei 1961 1 [Mana-mana 9x1m]	[9 m]
7(b)	F1 Semua urusan hالهال luar rmenjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan 1 F2 Agama Islam merupakan agama Persekutuan kecuali Sabah dan Sarawak 1 F3 Agama lain bebas diamalkan 1 F4 Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan 1 F5 Bahasa Inggeris/bahasa lain boleh digunakan 1 F6 Sabah/Sarawak bahasa rasmi ialah bahasa Inggeris hingga 10 tahun selepas Hari Malaysia 1 F7 Sabah/Sarawak diberi kuasa kawal hالهال imigresen 1 F8 Sabah/Sarawak diberi kuasa kawal hالهال perkhidmatan awam 1 F9 Sarawak memperoleh 24 kerusi/Sabah 16 kerusi/Singapura 15 kerusi bagi perwakilan parlimen 1 F10 Rakyat bumiputera di Sarawak/Sabah mendapat taraf sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu 1 [Mana-mana 6x1m]	[6 m]

7(c)	F1 Kekayaan/hasil negara bertambah 1 F2 Kekayaan/hasil negara dapat dikongsi bersama 1 F3 Negeri-negeri kurang majudibantu/dibangunkan 1 F4 Semua negeri di Malaysia mendapat kemerdekaan 1 F5 Pengaruh komunis berjaya dihapuskan 1 F6 Rakyat menikmati pembangunan ekonomi/sosial/politik 1 F7 Keluasan negara bertambah 1 F8 Jumlah penduduk bertambah 1 F9 Pasaran perniagaan/barangan lebih luas 1 F10 Pertahanan/keselamatan negaralebih kuat dan terjamin 1 F11 Perpaduan/hubungan antara kaum dapat dipupuk 1 F12 Kepelbagaian budaya masyarakat 1 F13 Semangat setiakawan antara negeri dapat dipupuk 1 [Mana-mana 5x1m] [5 m] (Mana-mana jawapan yang munasabah)
------	---

Soalan	Butiran	Markah
8(a)(i)	Penyata Razak F1 Penubuhan sekolah umum/rendah 1 H1a Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar 1 F2 Penubuhan sekolah jenis umum/rendah 1 H2a Menggunakan bahasa Inggeris/Cina/Tamil sebagai bahasa pengantar 1 F3 Penubuhan sekolah menengah Melayu 1 H3a Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar 1 F4 Penubuhan sekolah menengah Inggeris 1 H4a menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar 1 F5 Bahasa Melayu diwajibkan diajar di semua sekolah 1 F6 Bahasa Inggeris diwajibkan diajar di semua sekolah 1 F7 Pembentukan bangsa yang bersatu padu 1 F8 Pembentukan satu dasar pendidikan 1 [Mana-mana 4x1m]	[4 m]
8(a)(ii)	Laporan Rahman Talib F1 Sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaan 1 F2 Sekolah jenis umum dijadikan sekolah jenis kebangsaan 1 F3 Pelajaran percuma diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah kerajaan 1 F4 Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan 1 F5 Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar disekolah rendah ditukar kepada bahasa Melayu 1 F6 Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menengah 1 F7 Pelajaran agama Islam diajarkan di semua sekolah bantuan penuh kerajaan 1 H7a yang mempunyai tidak kurang 15 pelajar Islam 1 F8 Bahasa Cina/Tamil akan diajar di sekolah kebangsaan 1 H8a sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 15 orang pelajar 1 F9 Semua peperiksaan awam akan diadakan dalam bahasa kebangsaan 1 [Mana-mana 4x1m]	[4 m]

8(b)	F1	Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka(DBP)	1
	F2	Pelancaran “Minggu Bahasa”	1
	F3	Pelancaran “Bulan Bahasa”	1
	F4	Melancarkan slogan “Bahasa Jiwa Bangsa”	1
	F5	Penubuhan sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar	1
	Hc1	seperti Sekolah Alam Shah/Sekolah Sri Puteri/Sekolah Sultan Sultan Abdul Halim	1
	F6	Akta Bahasa Kebangsaan diluluskan pada tahun 1967	1
	F7	Bahasa pengantar di sekolah rendah Inggeris telah ditukar kepada bahasa kebangsaan pada tahun 1970	1
	F8	Penubuhan UKM pada tahun 1977	1
	H8a	membuktikan bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu	1
	F9	Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah menggantikan Bahasa Inggeris bermula tahun 1982	1
	F10	Bahasa Melayu digunakan di mahkamah bermula tahun 1990	1
	[Mana-mana 8x1m]		[8 m]
8(c)	F1	Untuk memartabatkan bahasa Melayu	1
	F2	Menjamin perpaduan rakyat	1
	F3	Pernah menjadi bahasa ‘lingua franca’ di Alam Melayu	1
	F4	Merupakan bahasa utama di Tanah Melayu	1
	F5	Telah menjadi bahasa rasmi sejak kerajaan Melayu Melaka	1
	F6	Merupakan bahasa yang dipertuturkan oleh orang Melayu	1
	F7	Menjadikan lambang kedaulatan kerajaan Melayu (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1
	[Mana-mana 4x1m]		[4 m]

2011 PSPM Kedah

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

1

[8 m]

1

1

1

1

1

1

[6 m]

BANK SOALAN SPM